

NOTIS SEBUT HARGA

NOMBOR & NAMA SEBUT HARGA	HARGA INDIKATIF	TARIKH IKLAN	TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN	KELAYAKAN
<u>Sh/UniMAP/FPK/26/45</u> PERKHIDMATAN PEMINDAHAN, PENYELENGGARAAN DAN PEMASANGAN PERALATAN STUDIO AUDIO DAN MCP BAGI JABATAN KOMUNIKASI, FAKULTI PERNIAGAAN & KOMUNIKASI KE KAMPUS UNICITI ALAM	*RM96,500.00	13 JULAI 2026 HINGGA 10 OGOS 2026	LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN TARIKH : 28 JULAI 2026 (SELASA) JAM : 9.30 pagi (Pendaftaran) 10.00 pagi (Taklimat) TEMPAT: Bilik Mesyuarat Blok A, Jabatan Komunikasi Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kompleks Pusat Pengajian Jejawi 1, 01000 Kangar, Perlis. Dokumen hanya akan dijual selepas lawatan tapak	RM 50.00	<u>KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</u> <u>BUMIPUTERA</u> <u>221303 ATAU 221304</u> <u>ATAU 220503</u> SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TCC) BERSTATUS "PATUH"

*Harga indikatif ini merupakan anggaran sahaja dan tidak mengikat UniMAP atau syarikat. UniMAP tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih dengan bersandarkan harga indikatif.

NOTA :

1. Bagi sesi lawatan tapak, **hanya penama** yang tercatat di dalam **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** yang **dibenarkan menghadiri lawatan tapak dan sesi taklimat** berkenaan. Kontraktor/Syarikat **tidak boleh** mewakilkan kepada pegawai selain daripada penama dalam sijil.
2. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor/pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja tersebut di atas.
3. Kontraktor-kontraktor mestilah mengemukakan **Sijil Pendaftaran** dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi mendapatkan dokumen sebut harga. Dokumen sebut harga hanya dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil-wakil kontraktor yang membawa sijil berkenaan beserta dengan salinannya sekali.
4. Dokumen Meja Tawaran boleh disemak dan Dokumen Sebut harga boleh didapati di **Kaunter Hasil Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Perlis, Aras Bawah, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau Perlis.**
5. Pembayaran **HANYA** melalui kaedah **JomPAY** daripada mana-mana bank.
6. Sila pastikan **MAKLUMAT PEMBAYARAN** yang dimasukkan adalah **TEPAT** dan semua syarat kelayakan dipatuhi sebelum bayaran JomPAY dibuat.
7. Maklumat yang perlu dimasukkan bagi pembayaran secara JomPAY adalah seperti berikut:-

Biller Code	: 99994
Biller Code Name	: UNIMAP-TERIMAAN
Reference 1	: Nama Syarikat
Reference 2	: Kod Tender/Sebut Harga

8. **Sila bawa bersama slip bayaran JomPAY** anda semasa mengambil dokumen tender/sebut harga di Kaunter Hasil Jabatan Bendahari, UniMAP.
9. **Operasi kaunter** untuk penjualan dokumen tender/sebut harga adalah seperti berikut:-

Hari : **Isnin hingga Jumaat**
Masa : **09.00 pagi hingga 04.00 petang**
10. Dokumen tender/sebut harga hendaklah dikembalikan di dalam sampul surat berlakri dan bertanda **Nombor** serta **Nama Sebut Harga/Tender** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran tersebut di **Jabatan Bendahari, Universiti Malaysia Perlis, Aras Bawah, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin, Kampus Alam UniMAP Pauh Putra, 02600 Arau Perlis** sebelum atau pada **10 Ogos 2026 sebelum jam 12.00 tengahari.**

11. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan dokumen tender/sebut harga boleh hubungi Kaunter Jabatan Bendahari (04-9414021) atau Unit Perolehan di talian 04-9414041.
12. Tawaran yang lewat diterima **TIDAK AKAN** dipertimbangkan.